

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, 5 December, 2019 1:57 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Bersama-Sama Tingkat Kesedaran Pelihara Dan Pulihara Alam Sekitar



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

5 DISEMBER 2019 / 8 RABIULAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Umi Kalsum Othman

UUM BERSAMA-SAMA TINGKAT KESEDARAN PELIHARA DAN PULIHARA ALAM SEKITAR



UUM ONLINE: Alor Setar - Seramai 20 wakil Universiti Utara Malaysia (UUM) terdiri staf dan pelajar telah menyertai Program Sungai Lestari Harapan Bersama – Hari Sungai Dan Komuniti Peringkat Negeri Kedah di Kampung Berjaya, baru-baru ini.

Program bermula seawal jam 7.30 pagi itu bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat setempat tentang kepentingan untuk memelihara dan memulihara alam sekitar.

Program Hari Sungai dan Komuniti itu disertai lebih 500 individu dari pelbagai agensi, institusi pendidikan dan pelajar sekolah yang bergotong-royong membersihkan sekitar kawasan sungai di Kampung Berjaya.

Staf UUM, Syazani Marzuki berkata, program tersebut secara tidak langsung membantu memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan menjaga alam sekitar khususnya sungai yang bukan sahaja menjadi kegunaan manusia, malah hidupan di dalam sungai tersebut.

Menurutnya, dia berharap program yang memanfaatkan itu akan diteruskan lagi pada masa hadapan dengan lebih ramai penyertaan dan banyak lokasi terlibat.

Program anjuran Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah itu dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Bekalan Air dan Sumber Air serta Tenaga, Dato' Zamri Yusuf.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.